

Budi bicara PM pilih Menteri Pendidikan baharu

BH-8/11/2020 m/s:7

Banyak sebab
buatkan Dr M
berpendapat
Maszlee perlu
letak jawatan

Oleh Rohaniza Idris,
Iskandar Ibrahim
dan Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau akan menentukan Menteri Pendidikan yang baharu kerana ia adalah prerogatifnya sebagai Perdana Menteri.

“Pengganti akan ditentukan oleh saya kerana itu adalah prerogatif saya,” katanya ketika ditanya mengenai pelantikan Menteri Pendidikan selepas Dr Maszlee Malik meletak jawatan pada 2 Januari lalu.

Perdana Menteri juga menegaskan, peletakan jawatan Maszlee bukan disebabkan beliau melakukan banyak kesalahan kerana Ahli Parlimen Simpang Renggam itu juga melakukan perkara baik, sebaliknya terdapat banyak sebab yang membuatkan beliau berpendapat perlu untuk Maszlee meletak jawatan.

“Surat yang saya tulis kepada beliau disebarkan kepada umum oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Seperti yang anda dapat lihat ada banyak sebab. Saya tidak kata semua yang beliau lakukan adalah salah.

“Terdapat beberapa perkara yang beliau lakukan adalah betul, tetapi atas sebab-sebab yang lain, saya berpendapat adalah perlu



Pengganti akan ditentukan oleh saya kerana itu adalah prerogatif saya.

**Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri**

untuk beliau meletak jawatan, beliau bersetuju dan beliau meletak jawatan,” katanya.

Bercakap pada sidang media selepas mempe-
ngkerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR), di sini semalam, Dr Mahathir juga menafikan peletakan jawatan Maszlee disebabkan bekas Menteri Pendidikan itu cuba membuka semula

Pusat Keamanan Antarabangsa Raja Salman (KSCIP).



BH TV

Pembukaan pusat itu di Putrajaya dicadangkan susulan lawatan Raja Arab Saudi, Raja Salman Abdul Aziz ke Malaysia pada 2017, namun dibatalkan pada Ogos 2018 selepas Pakatan Harapan (PH) mengambil alih pentadbiran negara.

Di Alor Setar, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Ma-

hathir yang juga Timbalan Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), berkata Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) parti berkenaan menyerahkan sepenuhnya kepada Perdana Menteri untuk melantik calon yang layak sebagai Menteri Pendidikan.

Menafikan beliau bakal dilantik ke jawatan terbabit, Mukhriz berkata, parti berkenaan tidak mencampuri urusan itu kerana ia prerogatif atau hak istimewa Dr Mahathir yang juga Pengerusi BERSATU merangkap Pengerusi PH.

Ditemui pemberita selepas menyaksikan Majlis Angkat Sum-pah Ahli Majlis Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS) semalam, Menteri Besar turut menyifatkan pihak tertentu yang mengaitkannya sebagai pengganti Maszlee sebagai ‘tiada kerja’.

“Perkara itu tidak disebut pun Perdana Menteri dalam pertemuan kami sebelum ini. Malah, MPT juga tidak menyediakan senarai calon untuk pertimbangan Tun Mahathir. Depa (merek) tiada kerja, masukkan gambar lama dan buat andaian bukan-bukan.

“Sehari sebelum peletakan jawatan Maszlee, saya ada jumpa beliau (Tun Mahathir), tapi tak ada sebut sepele pun pasal itu. Saya pun tak tahu dan tak tanya, beliau tak bagi hint (petunjuk) pun” katanya.

Spekulasi tersebar sebelum ini mengandaikan Mukhriz bakal dilantik sebagai Menteri Pendidikan, manakala Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Amiruddin Hamzah atau Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Guar Chempedak, Datuk Dr Ab Rahman Ku Ismail pula dikatakan calon Menteri Besar Kedah yang baharu.



Keratan akhbar BH Jumaat dan Sabtu lalu.